

03/08/1997

Kerajaan tidak layan semua tuntutan

Zulkofli Jamaludin; Radzi Wahab

KUALA LUMPUR: Kerajaan tidak mungkin dapat melayan dan memenuhi 100 peratus tuntutan semua kaum sama ada Melayu atau bukan Melayu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ini kerana tuntutan setiap kaum boleh merugikan dan bertentangan dengan kehendak kaum lain.

Sambil mengakui keadaan itu pasti mendorong perasaan tidak puas hati di kalangan semua kaum, Dr Mahathir berkata: "Itulah bukti kita sebenarnya adil kepada semua kaum.

"Inilah keadaan terbaik bagi masyarakat majmuk seperti Malaysia, iaitu tiada satu kaum yang terlalu berpuas hati. Jika mana-mana kaum berpuas hati dan gembira, keadaan itu menjadi petanda berlakunya layanan berat sebelah dan tidak adil," katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung MIC Ke-51 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu; Perdana Menteri Mauritius, Dr Navichandra Rangoolam; Menteri Kabinet serta pemimpin komponen Barisan Nasional (BN), turut hadir.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN, berkata bukan saja orang bukan Melayu tidak berpuas hati, malah beliau turut dikecam orang Melayu kerana dikatakan tidak memberi layanan sepenuhnya.

"Tetapi, hakikatnya, saya tidak mampu melayan semua tuntutan orang Melayu atau bukan Melayu.

"Mereka ini hanya akan gembira jika layanan terhadap kaum mereka lebih daripada layanan terhadap orang lain. Dengan itu, orang lain akan berasa kecewa dan tidak puas hati," katanya.

Bercakap kepada pemberita pula, Perdana Menteri mengakui beliau memang tertekan apabila semua tuntutan itu tidak dapat dipenuhi.

"Anda tidak boleh memuaskan hati semua orang. Oleh itu, anda tidak memuaskan hati sesiapa pun," katanya.

Menurutnya, Presiden MIC kerap berjumpa selepas mesyuarat Kabinet untuk meminta beliau menyelesaikan masalah berkaitan kaum India.

Bagaimanapun, katanya, banyak masalah itu tidak dapat diselesaikan dan dengan itu, timbul perasaan tidak puas hati di kalangan kaum India.

Keadaan itu, katanya, mendorong kaum India mendakwa nasib mereka kurang baik dan tidak menikmati banyak kemajuan yang dicapai negara.

"Pendapat ini, seperti juga di kalangan kaum lain, termasuk Bumiputera, adalah disebabkan masing-masing tidak memandang keadaan mereka secara menyeluruh.

"Sebaliknya, mereka tumpukan kepada kes tertentu yang nampak seperti mereka tidak mendapat kemajuan," katanya.

Menurut Perdana Menteri, kaum India kini sebenarnya menikmati kehidupan sempurna, termasuk kemajuan dalam estet, perumahan lebih baik dan sekolah yang dipulih atau dibina semula.

Beliau berkata, pendapatan pekerja estet juga meningkat dan ramai yang tidak lagi bekerja di ladang, sebaliknya mendapat pekerjaan di kilang dengan pendapatan dan iklim bekerja yang lebih baik.

Selain itu, katanya, ramai juga keturunan India menjadi peniaga dan pengusaha, jutawan serta golongan profesional seperti doktor dan peguam.

"Jadi, peluang untuk kaum India terbuka luas seperti juga kaum lain. Jika mereka berusaha lebih sedikit, ramai lagi daripada mereka akan memperoleh kejayaan," katanya.

(END)

